



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MALAYSIA DAN BANGLADESH SEPAKAT PERKUKUH REFORMASI BURUH

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong hari ini menerima kunjungan hormat daripada TYT Dr. Asif Nazrul, Penasihat kepada Kementerian Kebajikan Ekspatriat dan Pekerjaan Luar Negara Bangladesh dan TYT Lutfey Siddiqi, Duta Khas Hal Ehwal Antarabangsa Kerajaan Bangladesh dalam satu pertemuan yang memperkukuh komitmen kedua-dua negara dalam menambah baik tadbir urus berkaitan pengurusan tenaga kerja.

YB Menteri menyatakan bahawa kedua-dua negara kini dipimpin oleh kerajaan reformis yang mempunyai kesungguhan politik untuk melaksanakan pembaharuan menyeluruh dalam pengurusan tenaga kerja rentas negara. Ini merupakan peluang penting untuk menetapkan semula sistem sedia ada agar lebih berakuntabiliti, telus dan adil kepada para pekerja.

Dalam pertemuan tersebut, Malaysia turut berkongsi strategi jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing. Kerajaan juga sedang dalam proses untuk melaksanakan sistem levi berperingkat (multi-tier levy) yang bukan sahaja akan menggalakkan pengambilan pekerja tempatan malah membentuk pasaran buruh yang lebih mampan dan berdaya saing.

YB Menteri turut menegaskan bahawa pengambilan tenaga kerja asing ke negara ini seharusnya berlandaskan konsep keperluan dan bukannya perniagaan. Ianya perlu berdasarkan permintaan sektor yang sebenar dan bukannya dijadikan ruang untuk mengaut keuntungan semata-mata. Pendekatan ini selaras dengan usaha untuk memastikan pengurusan tenaga kerja yang lebih telus, beretika dan berlandaskan prinsip tanggungjawab bersama.

Kedua-dua negara turut bersetuju untuk memperkukuh mekanisme penyelarasan teknikal pengurusan tenaga kerja melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama (JWG). Langkah ini penting bagi memastikan sebarang isu dapat ditangani secara tepat pada masanya berdasarkan semangat kefahaman dan kebertanggungjawaban bersama. Mesyuarat JWG seterusnya dijadualkan berlangsung pada 21 dan 22 Mei ini di Dhaka, Bangladesh.

Malaysia turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Bangladesh atas pengiktirafan terhadap usaha Malaysia membanteras penyalahgunaan dan salah laku dalam proses pengurusan tenaga kerja. Dalam pertemuan tersebut, pihak Bangladesh turut mengesahkan bahawa Malaysia tidak terlibat dalam sebarang salah laku yang telah dibangkitkan sebelum ini, dan menyatakan sokongan mereka terhadap pendekatan Malaysia yang tegas dan berprinsip dalam isu perdagangan manusia.

Kunjungan ini mencerminkan tekad bersama Malaysia dan Bangladesh untuk memperkukuh tadbir urus tenaga kerja rentas negara berdasarkan prinsip integriti, hak asasi dan kesejahteraan sejagat.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

15 MEI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	